

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERSIDANGAN KEBANGSAAN "PENGLIBATAN IBUBAPA DALAM PENCEGAHAN DADAH"
Lokasi : PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC), JALAN TUN ISMAIL, KL
Tarikh : 26-10-1985

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan rahmat dan hidayahNya, kita dapat bertemu muka dan berhimpun di Persidangan pada pagi ini. Sebagai Yang Di-Pertua, Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri atau ringkasnya BAKTI yang menganjurkan Persidangan Kebangsaan Penglibatan Ibubapa Dalam Pencegahan Dadah ini, ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang telah melapangkan masa untuk menyertai Persidangan ini.

Penyertaan tuan-tuan dan puan-puan menggambarkan kesediaan kita semua untuk membincang masalah kita bersama secara berkumpulan tentang satu ancaman besar yang dihadapi oleh negara kita ini. Oleh yang demikian saya berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala, mudah-mudahan atas keinsafan dan perasaan tanggungjawab kita bersama, Persidangan selama dua hari ini akan berjalan dengan lancar, dan dapat menghasilkan rumusan-rumusan yang menjadi objektif utama yang hendak kita capai.

2. Saya menganggap Persidangan ini sebagai satu forum yang penting kepada kita semua bagi membincangkan mengenai masalah dadah, satu masalah besar yang kini melanda negara kita. Tidak kurang pula pentingnya ialah penyertaan tuan-tuan dan puan-puan, ibubapa sekalian mewakili berbagai-bagai pertubuhan dalam masyarakat dan badan-badan sukarela.

3. Tidak kurang pentingnya juga ialah penyertaan orang-orang yang berpengalaman yang terdapat dalam negara untuk menyedia dan membentangkan Kertas-kertas Kerja.

Terdapat juga pakar yang berpengalaman dari luar negeri yang akan membentangkan kertas-kertas kerja dalam bidang-bidang kepakaran khusus masing-masing. Saya berharap sumbangan mereka dalam Persidangan ini akan membantu ke arah menghasilkan rumusan-rumusan yang berfaedah untuk kita semua.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Persoalan mengenai masalah dadah yang dihadapi oleh negara sekarang bukanlah satu perkara baru. Ia merupakan satu masalah yang melibat dan menjejaskan semua golongan masyarakat, semua kaum, di seluruh pelosok negara.

5. Masalah dadah di Malaysia telah bermula pada awal tahun 1970an dan kini bilangan mereka yang dikesan terlibat dengan gejala ini telah meningkat kepada kira-kira 108,000 orang pada bulan Ogos, 1985. 80% daripada mereka yang terlibat ini adalah terdiri daripada golongan belia yang berumur kurang daripada 30 tahun, yang mana kumpulan umur 20-24 tahun merupakan golongan yang terbesar. Golongan belia ini merupakan harapan bangsa dan negara kita di masa hadapan.

Di manakah terletaknya maruah negara kita yang tercinta jika sebilangan besar daripada golongan remaja kita telah terjerumus dalam perangkap dadah?

6. Kita semua sedia maklum bahawa Kerajaan telah mengambil berbagai langkah dengan keupayaan dan kemampuan yang ada untuk mengawal dan mencegah masalah dadah dalam bidang-bidang seperti perundangan dan penguatkuasaan, rawatan dan pemulihan, pendidikan pencegahan dan penerangan

dan kerjasama antarabangsa.

7. Walaupun usaha-usaha Kerajaan yang gigih dan tegas dalam bidang berkenaan telah berjalan semenjak lebih dari 10 tahun yang lalu, tetapi nampaknya usaha-usaha ini belum lagi mencukupi untuk menghapuskan masalah penagihan dan pengedaran dadah dinegara kita. Dadah masih diseludupkan masuk ke negara ini dan penagih-penagih mudah mendapat bekalan yang diperlukan. Muda-mudi terus menerus terjerumus ke dalam kancah penagihan seperti yang kita dapati daripada bilangan mereka yang dikesan sebagai penagih-penagih baru setiap tahun.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Kita semua sedia maklum bahawa masalah penagihan dan pengedaran dadah adalah masalah yang melibatkan masyarakat seluruhnya. Pada peringkat awal masalah penagihan dadah melibatkan anak-anak muda yang secara langsung akan menimbulkan kesan dan akibat kepada keluarga mereka, jiran tetangga, masyarakat tempatan dan seterusnya negara amnya.

Penagihan dadah ini telah mengakibatkan bertambahnya kejadian-kejadian jenayah di seluruh negara. Oleh itu kita perlulah faham bahawa walaubagaimana gigih dan bersungguh-sungguh agensi-agensi Kerajaan berusaha menghapuskan masalah penagihan dan pengedaran dadah, kejayaan sepenuhnya tidak akan tercapai sekiranya anggota-anggota masyarakat yang terlibat hanya berpeluk tubuh sahaja.

9. Daripada pengalaman negara ini dalam usaha-usaha mengawal dan mencegah masalah dadah, apa yang jelas dan penting ialah usaha-usaha pencegahan mestilah diutamakan.

Ini adalah selaras dengan kata-kata 'prevention is better than cure', atau pencegahan adalah lebih baik daripada rawatan. Pencegahan dadah adalah usaha yang bertujuan mencegah anak-anak kita supaya tidak menggunakan dadah dalam apa keadaan sekalipun. Ia melibatkan pendidikan anak-anak kita dengan nilai-nilai rohani yang positif dan suci dan juga penerangan mengenai dadah dan bahayanya.

10. Dalam bidang pencegahan kita dapati bahawa usaha-usaha Kerajaan memberi penerangan tentang dadah dan bahayanya kepada masyarakat umum dan kanak-kanak kita di sekolah telah dipertingkatkan, terutama sekali melalui media massa Kerajaan. Tetapi usaha-usaha ini tidaklah memadai untuk mencapai objektif-objektif pencegahan yang sebenarnya.

Tanggungjawab yang paling utama untuk menjayakan usaha-usaha negara untuk mencegah dadah tidak dapat tidak adalah terletak di atas bahu kita ibubapa kerana ibubapa adalah orang yang terdekat dan rapat sekali dengan anak-anak.

Pendidikan anak-anak adalah bermula di rumah. Sekiranya ibubapa tidak menjalankan tugas dan tanggungjawabnya maka selama itulah usaha-usaha pencegahan dadah tidak akan berjaya.

11. Saya sebagai seorang ibu telah menyaksikan sendiri tragedi yang menimpa ibubapa akibat penagihan dadah di kalangan anggota keluarga mereka semasa lawatan saya ke Pusat Serenti, Tampin dan Pusat Pemulihan PEMADAM, Sungai Besi tempoh hari. Saya telah melihat betapa kesalnya ibubapa dan penghuni pusat tersebut kerana hanya menyedari kesilapan mereka apabila keadaan sudah terlanjur. Betapa pilunya suasana semasa pertemuan dengan ibubapa dan saudara mara penagih-penagih dadah yang sedang dirawat di sana. Mereka yang tidak ada masalah dadah dalam keluargapun turut bersedih.

12. Semasa saya menghadiri The First Ladies Conference, di Washington, Amerika Syarikat, saya telah melihat tragedi yang sama. Para hadirin akan dapat melihat bagaimana seorang bekas penagih dadah di Amerika Syarikat menceritakan pengalaman pahitnya sebagai seorang penagih dalam filem yang akan ditayangkan sebentar lagi. Saya juga merasa kagum mendapati bahawa kaum ibu di sana telah bersatu dan bergerak untuk menentang penyalah-gunaan dadah yang sedang melanda negara mereka setelah mereka menyedari gejala penagihan dadah semakin berleluasa, bukan sahaja di kalangan muda-mudi belasan tahun, tetapi juga di kalangan kanak-kanak di bawah umur 10 tahun. Ibubapa terlalu lurus

sehingga tidak mempercayai bahawa anak-anak terdedah kepada pengaruh dadah di mana-mana juga sekiranya mereka tidak diawasi dan dijagai dengan rapi.

13. Langkah-langkah dan usaha yang positif hendaklah diambil dalam mencari satu penyelesaian mengenai masalah penagihan dadah di kalangan kaum belia di negara ini. Dalam hal ini persatuan-persatuan dan gerakan-gerakan yang melibatkan ibubapa khususnya dan masyarakat amnya hendaklah mengambil usaha pendekatan secara konsep perkhidmatan masyarakat atau 'concept of community services'.

14. Semenjak zaman berzaman, manusia tidak pernah hidup tanpa melakukan sesuatu secara bersama. Manusia sentiasa berganding bahu dalam melakukan sesuatu, demi kepentingan bersama. Oleh itu, wujudlah nilai-nilai kemasyarakatan yang menjadikan setiap orang sebagai sebahagian daripada keseluruhan masyarakat baik dalam sebuah kampung, daerah, wilayah atau negeri.

15. Hari ini, keperluan untuk hidup bersama tidak pernah berkurangan, malah bertambah penting kerana dunia hari ini lebih mencabar dan lebih memerlukan 'semangat kumpulan' dalam mencapai sesuatu harapan dan cita-cita bersama.

16. Semangat kerjasama dan saling mengambil berat hal ehwal antara satu sama lain ini dapat dilihat dengan mudah dalam berbagai bentuk kerja. Dalam masyarakat Malaysia sendiri, kaedah gotong royong adalah satu aspek kerjasama kemasyarakatan yang dipandang tinggi dan menjadi pesaka budaya bangsa.

17. Dalam kehidupan kita sekarang, keperluan bekerjasama adalah jelas seperti yang digambarkan dengan tertubuhnya persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela dan perkhidmatan di seluruh negara. Ini membuktikan bahawa kita memerlukan satu sama lain bagi mencapai sesuatu matlamat.

Usaha secara bergotong royong dan bekerjasama di kalangan masyarakat perlulah dipupuk dan diteruskan dengan penuh minat oleh semua anggota masyarakat. Ini adalah kerana usaha seperti ini tidak mungkin dapat dijalankan terus menerus tanpa minat anggota masyarakat yang berterusan.

18. Dalam hal ini, perlulah ditekankan bahawa tidak semestinya apa yang kita lakukan itu perlu menguntungkan diri sendiri. Ini memandangkan semangat gotong royong dan kerjasama yang sebenar menjangkau ke bidang yang jauh lebih luas dan merangkumi lebih ramai manusia daripada diri seseorang sahaja.

19. Misalnya, dalam usaha mengatasi masalah penagihan dadah, amatlah penting bagi kita semua tampil ke depan dan membantu kaum belia yang kurang bernasib baik atau menempuh jalan yang sesat agar mereka dapat kembali ke landasan hidup yang sebenar dan terlepas daripada perangkap dadah yang merbahaya dan merosakkan itu. Bagi masyarakat di negara ini, amatlah beruntung jika mereka semua menyumbangkan khidmat baktinya bagi membantu dan membimbing bekas penagih dadah kembali ke pangkal jalan.

20. Dalam usaha membasmi wabak penagihan dadah, sumbangan kaum keluarga, pertubuhan-pertubuhan khasnya peringkat jiran tetangga dan seterusnya peringkat kebangsaan adalah usaha-usaha yang bermanfaat kepada masyarakat kerana sekiranya masalah penagihan ini dibiarkan berleluasa, masa depan masyarakat dan negara akan terancam. Keamanan dan ketenteraman sosial akan tergugat dan kesejahteraan hidup akan sukar dinikmati.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

21. Penagihan dadah adalah seperti penyakit kanser. Ia boleh berlaku daripada lingkungan umur belasan tahun sehinggalah melibatkan orang-orang dewasa, tidak mengira jantina atau keadaan sosio-ekonomi masyarakat. Tidak ada kanak-kanak atau belia immune atau bebas daripada penyakit kanser ini dan ia boleh merebak dengan cepat. Seperti penyakit-penyakit lain juga, ia boleh dirawat jika dikesan daripada

awal. Akibat dadah kepada penagih itu bergantung kepada jangka masa dan jenis dadah yang digunakan. Di negara kita ini, kebanyakan daripada kita tidak begitu mementingkan langkah-langkah mengesan penyakit dari awal baik apa penyakit pun. Kebanyakannya sudah terlewat dan akibat penyakit itu telah merebak ke seluruh tubuh badan seseorang itu. Ini biasa berlaku kepada mereka yang mengidap penyakit kanser yang memberi tanda-tanda sakitan pada peringkat akhir. Apatah lagi penyakit dadah, yang mengkhayalkan manusia tanpa kesakitan apa-apa.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

22. Saya berharap bahawa Persidangan ini akan menghasilkan rumusan-rumusan yang menunjukkan tekad dan keazaman kita yang tegas dan praktikal dalam menghadapi masalah dadah ini.

Rumusan-rumusan hendaklah dibuat bagi menggalakkan penglibatan dan penyertaan ibubapa dalam membantu dan menjayakan usaha-usaha negara membendung masalah ini dan menentukan dengan jelas dan terperinci apakah peranan dan tanggungjawab mereka sama ada di peringkat keluarga, jiran tetangga, masyarakat setempat, daerah, negeri dan kebangsaan. Rumusan-rumusan ini hendaklah juga menentukan apakah bentuk jentera atau organisasi yang dianggap dapat mendokong cita-cita dan matlamat perjuangan ibubapa dengan berkesan dan terselaras di semua peringkat.

23. Dalam hal ini adalah menjadi harapan BAKTI agar rumusan-rumusan dibuat bagi menubuhkan perkumpulan- perkumpulan atau gerakan-gerakan ibubapa di semua peringkat.

Bagi pertubuhan-pertubuhan yang telah ditubuhkan bagi memperjuangkan tujuan-tujuan tertentu, rumusan hendaklah dibuat bagi merancang dan melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti pencegahan dadah bermula dalam masyarakat setempat masing-masing.

24. Adalah juga menjadi harapan BAKTI supaya rumusan yang dibuat di Persidangan ini akan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Dalam hubungan ini pihak BAKTI akan menganjurkan supaya tindakan-tindakan susulan diambil untuk mempraktikkan rumusan-rumusan yang dihasilkan.

25. Mungkin dengan permulaan di peringkat bawahan ini, ianya kelak akan berkembang hingga menjadi suatu pergerakan yang meliputi seluruh negara. Dengan kesedaran dan azam ibubapa khususnya kaum ibu, kita berharap akan dapat membawa kejayaan dalam membasmi masalah dadah ini. Di samping itu perangkaan setakat ini menunjukkan hampir 98% daripada mereka yang terlibat dalam penagihan dadah di negara ini adalah kaum lelaki. Ini mungkin menunjukkan bahawa kaum wanita lebih cekal dan tidak mudah dipengaruhi dan terlibat dengan penagihan dadah. Justeru itu sifat kecekalan dan ketabahan wanita amatlah penting dalam usaha mencegah dadah di kalangan anak-anak secara berterusan. Saya bukanlah bermaksud untuk memperkecilkan peranan dan sifat kaum bapa tetapi yang saya harap ialah supaya kaum ibu merupakan daya penggerak dalam usaha ke arah menggembeling tenaga masyarakat dalam pencegahan dadah.

26. Adalah menjadi harapan saya sebagai Yang Di-Pertua Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri supaya kaum ibu menyahut cabaran ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.